

Impian rakyat kini tercapai

PULAU PINANG, Sabtu — Jambatan Pulau Pinang sepanjang 13.5 kilometer akhirnya menjadi kenyataan.

Dengan adanya jambatan itu, masalah orang ramai berulang-alik antara tanah besar Semenanjung dan Pulau Pinang akan dapat diatasi.

Kini, sudah ada dua kemudahan menyeberang ke Pulau Pinang, sama ada dengan menggunakan perhidmatan feri atau jambatan yang kukuh itu.

Yang penting, impian menghubungkan tanah besar dengan Pulau Pinang selama ini sudah tercapai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memulakan perjalanan atas jambatan itu dengan menaiki kereta nasional, Proton Saga, hari ini.

Jambatan adalah ketiga terpanjang di dunia dan terpanjang di Asia Tenggara. Ia siap sepenuhnya 15 Julai lalu.

Dengan adanya jambatan itu, perhubungan pengangkutan antara Pulau Pinang dan tanah besar akan bertambah pesat. Kepesatannya akan juga meningkatkan kemajuan industri lain, termasuk industri pelancongan.

Kira-kira 30,000 kenderaan dari Pulau Pinang dan tanah besar dijangka menyeberangi atau menggunakan jambatan itu setiap hari.

Kerja-kerja pembinaan sembilan peringkat dimulakan serentak. Ia bermula di bahagian pulau berhampiran Universiti Sains Malaysia (USM) di Batu Uban dan di Seberang Prai di kawasan utara, di Sungai Juru.

Projek besar itu juga membabitkan kerja menebusguna tanah seluas 40 hektar berharga \$12.6 juta berhadapan USM dan 100 hektar berharga \$14.6 juta di Prai.

Meskipun kerajaan menanggung perbelanjaan berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan projek itu, dijangka mengutip kira-kira \$100 juta setahun menerusi tol.

Jambatan itu bukan sahaja memberi faedah di segi ekonomi kepada kerajaan, malah kira-kira 2,000 pekerja tempatan mendapat faedah kemahiran dalam pembinaannya.